

The Perception of Teachers in Malaysia toward Alternative Assessment in Schools

Persepsi Guru di Malaysia Terhadap Pentaksiran Alternatif di Sekolah

Suhaili Saim*, Ibnatul Jalilah Mohd. Yusof

Faculty of Educational Sciences and Technology, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: suhaili93@graduates.utm.my

Article history: Received: 06 January 2024 Received in revised form: 13 November 2024 Accepted: 02 December 2024 Published online: 31 December 2024

Abstract

Assessment is an important component in education because through assessment, teachers and parents get information about student development. In 2010, the Malaysian Ministry of Education introduced School-Based Assessment, which is a form of alternative assessment as an effort to move away from the examination-based education system. Now this assessment is better known as Classroom Assessment. Since it was first introduced, many parties have given various responses to this modern assessment. Teachers are important stakeholders because they act as implementers of this assessment in schools. This article was written to review teachers' perceptions of this assessment and give suggestions to improve this assessment system. An extensive survey of past studies and also interviews with 6 teachers at a school in the state of Johor were conducted to achieve this objective. Each teacher interviewed taught a different subject at the school. Findings show that teachers in Malaysia have mixed perceptions of this assessment. Most teachers have a positive perception and acknowledge the advantages of this assessment in forming holistic students. In addition, the teachers also stated that they were not given enough understanding and training before this assessment began to be implemented. There are also teachers who feel that this assessment adds to their workload and they lack time to carry it out. The teachers emphasized that the implementation mechanism needs to be improved. Teachers do not reject changes in the assessment system for the better, but the implementation needs to be done based on accurate research, training and sufficient facilities.

Keywords: teachers' perception, alternative assessment, PBS, PBD, school

Abstrak

Pentaksiran ialah komponen penting dalam pendidikan kerana melalui pentaksiran, guru dan ibu bapa mendapat maklumat mengenai perkembangan murid. Pada tahun 2010 Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah, iaitu satu bentuk pentaksiran alternatif sebagai usaha untuk beralih daripada sistem pendidikan berteraskan peperiksaan. Kini pentaksiran ini lebih dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah. Sejak mula diperkenalkan, banyak pihak telah memberi pelbagai respons terhadap pentaksiran moden ini. Guru ialah pemegang taruh penting kerana mereka bertindak sebagai pelaksana pentaksiran ini di sekolah. Artikel ini ditulis bertujuan meninjau persepsi guru mengenai pentaksiran ini dan memberi sumbang saran bagi menambah baik sistem pentaksiran ini. Tinjauan kajian lampau secara meluas dan juga temu bual bersama 6 orang guru di sebuah sekolah di negeri Johor telah dijalankan bagi mencapai objektif ini. Setiap guru yang ditemu bual ini mengajar mata pelajaran yang berbeza di sekolah tersebut. Dapatan menunjukkan guru-guru di Malaysia mempunyai persepsi yang bercampur terhadap pentaksiran ini. Kebanyakan guru mempunyai persepsi positif dan mengakui kelebihan pentaksiran ini dalam membentuk murid yang holistik. Di samping itu, guru-guru juga menyatakan mereka tidak diberi kefahaman dan latihan yang cukup sebelum pentaksiran ini mula dilaksanakan. Ada juga guru yang merasakan pentaksiran ini menambah beban tugas mereka dan mereka kekurangan masa untuk melaksanakannya. Guru-guru menekankan mekanisme pelaksanaannya perlu ditambah baik. Guru-guru tidak menolak perubahan sistem pentaksiran ke arah yang lebih baik, namun pelaksanaannya perlu dilakukan berdasarkan kajian yang jitu, latihan serta kemudahan yang mencukupi.

Kata kunci: persepsi guru, pentaksiran alternatif, PBS, PBD, sekolah

© 2025 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Pentaksiran alternatif merujuk kepada pendekatan yang berbeza untuk pentaksiran yang melangkaui ujian dan peperiksaan piawai tradisional. Pentaksiran alternatif termasuklah penilaian prestasi, autentik, formatif dan diagnostik, yang boleh diklasifikasikan ke dalam format alternatif, bentuk dan penggunaan penilaian alternatif (Zwilling et al; 2023). Di negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada, pentaksiran alternatif telah lama dilaksanakan di peringkat sekolah hingga pengajian tinggi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha meningkatkan pendidikan negara telah memperkenalkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) kini dikenali sebagai Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sebagai pentaksiran alternatif di sekolah. Pelaksanaannya di sekolah rendah kerajaan telah bermula pada tahun 2010, manakala bagi sekolah menengah kerajaan pelaksanaannya bermula pada tahun 2012. Sebelum PBS

diperkenalkan, sistem pendidikan Malaysia berpaksikan pentaksiran tradisional. Pentaksiran tradisional adalah biasa dan mudah untuk dijalankan oleh guru Rahmi et al; (2023). Guru dan murid telah biasa dan arif tentang pelaksanaannya dan isu berkaitan pelaksanaannya tidak banyak timbul.

Seiring dengan peredaran zaman, sistem pendidikan tidak lagi boleh bergantung dengan sistem pentaksiran tradisional semata-mata dalam menilai perkembangan pelajar. Pelbagai kajian telah dilaksanakan berkaitan kelemahan pentaksiran tradisional. Menurut Richard (2005), kelemahan pentaksiran tradisional ialah pentaksiran ini boleh menyebabkan hilangnya keyakinan dan motivasi pelajar yang sentiasa mendapat markah rendah dalam pentaksiran, menyebabkan mereka berputus asa dan percaya bahawa mereka tidak mampu untuk belajar. Mazin (2020) pula menyatakan bahawa pentaksiran tradisional kekurangan suara murid dan guru dalam proses pentaksiran, yang membawa kepada bentuk pentaksiran yang tidak sesuai. Kelemahan pentaksiran tradisional ialah gagal mengambil kira keperluan, konteks dan latar belakang murid (Emmy, 2020). Tidak seperti pentaksiran tradisional, yang sering menekankan ketepatan dan ketepatan, pentaksiran alternatif digambarkan sebagai berasaskan prestasi dan berpusatkan murid. Hal ini bermakna mereka lebih menumpukan kepada kebolehan murid menggunakan bahasa dalam situasi praktikal dan bukannya hanya mendapat jawapan yang betul (Aref, 2024). Berdasarkan kajian-kajian di atas, wajarlah KPM mengambil langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pentaksiran tradisional dan memperkenalkan sistem pentaksiran alternatif di sekolah untuk mentaksir perkembangan pelajar secara lebih menyeluruh.

Pentaksiran alternatif mempunyai kekuatan tersendiri dalam membentuk murid yang mempunyai pelbagai kemahiran dan bukannya hanya bertumpu pada kemahiran kognitif sahaja. Nilgun (2013) menyatakan antara kelebihan penilaian alternatif termasuklah dapat menentukan titik kekuatan dan kelemahan pelajar serta meningkatkan efikasi sendiri mereka. Marcia (2022) pula menyatakan faedah pentaksiran alternatif, seperti e-portfolio, dapat meningkatkan kemahiran menulis kolaboratif dalam kalangan pelajar bahasa Bahasa Inggeris. Pendapat-pendapat ini sejajar dengan Danica (2020) yang menyatakan bahawa kaedah pentaksiran alternatif mempunyai banyak faedah untuk pelajar dan guru, seperti mengurangkan kebimbangan berkaitan ujian, membolehkan pelajar menjadi kreatif, dan menjadi lebih bermotivasi. Kajian-kajian lampau telah membuktikan kelebihan yang ada pada pentaksiran alternatif. Sungguhpun begitu, sejak pelaksanaannya dimulakan pada tahun 2010, isu pentaksiran alternatif ini tidak pernah lekang daripada dibahaskan baik di peringkat kementerian atau marhaen. Pelbagai pihak mempunyai persepsi yang berbeza-beza tentang pelaksanaan pentaksiran ini. Gambaran bahawa pentaksiran alternatif ini

Pelbagai kajian telah dilaksanakan untuk mendalami persepsi guru terhadap pentaksiran alternatif di sekolah. Artikel ini ditulis bertujuan untuk mengumpulkan hasil tinjauan yang telah dijalankan oleh penyelidik-penyelidik berkenaan persepsi guru-guru di Malaysia terhadap pentaksiran alternatif di sekolah sejak pentaksiran ini mula dilaksanakan pada tahun 2010 hingga kini. Guru-guru ialah penggerak utama dan pelaksana sistem ini di sekolah. Persepsi dan cadangan mereka mesti diambil perhatian sekiranya KPM benar-benar ingin melihat perubahan kepada sistem pendidikan negara melalui pelaksanaan pentaksiran alternatif.

■2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian dan tinjauan berkaitan persepsi guru terhadap pentaksiran alternatif telah dijalankan oleh penyelidik sejak sebelum pelaksanaannya dimulakan lagi. Pada tahun 2010, Faizah telah meninjau kebimbangan guru Bahasa Inggeris tentang pelaksanaan PBS. Menurut kajiannya 40 orang responden mempunyai kebimbangan pelbagai dimensi tentang pelaksanaan PBS. Mereka menyatakan bahawa mereka memahami kaedah pelaksanaan PBS tetapi agak keliru dengan objektifnya. Mereka juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan PBS kerana kekurangan masa kerana tuntutan tugas lain. Faizah, 2010 juga mencadangkan agar KPM meninjau maklum balas guru dari semasa ke semasa sepanjang pelaksanaan PBS dan mencadangkan agar KPM memberikan latihan yang menyeluruh kepada bakal guru yang masih menuntut di institusi pengajian tinggi.

Vischalache (2006) dalam kajiannya tentang pelaksanaan pentaksiran alternatif dalam Pendidikan Moral pula menyatakan di peringkat awal pelaksanaannya guru tidak diberikan penerangan yang jelas. Selain itu, tiada ujian rintis dilakukan menyebabkan pentaksiran ini sukar untuk dilaksanakan di peringkat sekolah. Sungguhpun pentaksiran ini mempunyai objektif murni tetapi tanpa panduan yang jelas, ianya amat sukar untuk dijalankan. Projek lapangan untuk pelajar Pendidikan Moral sekolah menengah memerlukan masa untuk dirancang dan pelaksanaannya memerlukan kos yang tinggi. Tanpa perancangan yang sistematik di peringkat KPM, pelaksanaannya di sekolah mengundang pelbagai isu.

Dalam kajian lain pula, pembelajaran yang fleksibel dan keseimbangan antara tugas berkaitan akademik dan bukan akademik menjadi faktor utama yang mempengaruhi persepsi guru terhadap pentaksiran ini (Noor et al; 2016). Penyelidik ini juga mencadangkan agar KPM memudahkan proses pelaksanaan pentaksiran ini dengan memberi galakan kepada guru untuk menggunakan kreativiti dan pendekatan tersendiri dalam mendidik murid. Selain itu, guru-guru juga berpendapat sekiranya tugas-tugas berkaitan akademik dan bukan akademik tidak terlalu membebankan mereka dapat memberi komitmen untuk menambah baik pelaksanaan PBS di dalam kelas (Rafhati et al; 2016).

Tidak semua hasil kajian berkaitan pelaksanaan PBS menunjukkan persepsi yang negatif. Pelaksanaan PBS adalah seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPK) untuk menilai keupayaan kognitif, afektif dan psikomotor murid (Che et al;2016). Dalam satu tinjauan lain yang menghuraikan penilaian berasaskan teori tentang pelaksanaan PBS di sekolah, hasil tinjauan telah menunjukkan bahawa guru-guru berpuas hati dengan penerangan yang diberikan KPM berkaitan pelaksanaan pentaksiran ini. Guru-guru berpendapat pelaksanaannya agak baik tetapi masih boleh ditambah baik. Guru juga berpuas hati dengan tahap pengetahuan dan sikap pelajar tetapi tidak berpuas hati dengan tahap motivasi pelajar (Ghazali et al; 2016). Secara keseluruhannya kajian ini menyokong pelaksanaan sistem PBS.

Dalam kajian lain pula, penyelidik membuktikan bahawa persepsi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif ini bercampur. Namun persepsi sama ada negatif atau positif terhadap pelaksanaan pentaksiran ini tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian murid (Farhana et al; 2016). Artikel ini memberi satu sisi pandangan lain iaitu guru-guru tetap memberikan dedikasi yang sama terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan sistem pentaksiran yang baru walaupun masih terdapat banyak kelemahan. Hasil tinjauan ini membuktikan bahawa kajian lampau yang menyebut persepsi guru terhadap pelaksanaan program atau sistem akan memberi impak terhadap pencapaian pelajar (Ewnatu et al;2010) tidak semestinya berlaku di setiap keadaan.

Antara kesimpulan yang dapat dibuat ialah kebanyakan guru mempunyai persepsi positif terhadap pentaksiran ini dan bersetuju bahawa pentaksiran ini dapat membantu membentuk murid yang holistik, (Noor et al; 2016 & Hasnida et al; 2016). Guru juga bersedia untuk menerima latihan dan mendalami kaedah pelaksanaan sistem pentaksiran ini untuk memastikan objektifnya tercapai, (Farhana et al;

2016). Setelah beberapa tahun pelaksanaannya, guru berpendapat instrumen pentaksiran iaitu yang telah lengkap oleh KPM memudahkan mereka melaksanakan PBS, namun begitu mereka tidak mempunyai kelengkapan yang cukup di dalam bilik darjah untuk mengoptimalkan pelaksanaan PBS (Hasnida et al; 2016). Tanpa kelengkapan yang cukup, guru-guru tidak dapat membantu murid mengasah kemahiran mereka dengan lebih baik. Isu ini telah berlarutan sejak dulu dan KPM perlu memberi perhatian yang serius sekiranya sistem pendidikan negara ingin beralih daripada sistem berpaksikan peperiksaan. Jurang pendidikan pelajar di bandar dan luar bandar juga akan semakin jauh.

Di samping itu, guru-guru juga menyatakan mereka tidak diberi kefahaman dan penjelasan yang cukup sebelum pentaksiran ini mula dilaksanakan. Mereka juga berpendapat bahawa sistem pentaksiran baru ini menambah beban tugas guru dan mengurangkan masa mereka untuk membuat persediaan sebelum mengajar. Perkara ini demikian kerana guru perlu mengisi pelbagai borang penilaian sepanjang tahun dan waktu untuk melaksanakan pentaksiran ini amat terhad. Ini berikutan takwim sekolah telah dipenuhi pelbagai aktiviti lain, Faizah (2010) & Vishalache (2006). Mekanisme pelaksanaan PBS perlu ditambah baik agar guru tidak perlu terlalu fokus dengan tugas-tugas pengkeranian yang berkaitan pentaksiran ini sehingga memberi kesan kepada tugas hakiki iaitu mengajar. Kini, sistem PBD telah ditambah baik dengan sistem perekodan atas talian, namun isu seperti ketidakcukupan laman sesawang yang disediakan KPM masih lagi berlaku. Isu seperti ini akan menyebabkan banyak masa terbuang yang seharusnya digunakan untuk menambah baik kaedah pengajaran guru. KPM perlu bertindak menyelesaikan masalah dasar dan teknikal seperti ini agar anggota pelaksana iaitu guru tidak mengalami kesulitan untuk melaksanakan sistem baru di sekolah.

Antara cadangan yang diberikan ialah latihan untuk melaksanakan PBS di peringkat sekolah perlu diadakan untuk guru-guru, Faizah (2010). Guru-guru juga berpendapat sokongan daripada pentadbir dalam memastikan mereka mempunyai ilmu dan kemahiran serta kelengkapan yang cukup akan memudahkan pelaksanaan PBS, Hasnida et al, 2016. Tidak dinafikan, sehingga kini latihan masih tidak diberikan secukupnya oleh KPM kepada guru-guru. Natijahnya, masih ada guru yang tidak faham objektif pelaksanaan PBD dan masih terikat dengan kaedah pentaksiran tradisional. Seharusnya, kefahaman dan ilmu yang cukup perlu diberi terlebih dahulu sebelum melaksanakan satu sistem baru.

Kajian-kajian lampau ini telah membantu untuk melihat persepsi para guru daripada pelbagai dimensi tentang pentaksiran alternatif di sekolah. Guru-guru sebenarnya tidak menolak perubahan sistem pentaksiran kepada satu sistem yang lebih baik, namun pelaksanaan sistem baru perlulah dilakukan berdasarkan kajian yang mencukupi, latihan dan juga kelengkapan yang cukup. Kebanyakan kajian yang telah dijalankan adalah antara tahun 2010-2016. Ini menunjukkan terdapat jurang penyelidikan berkaitan isu ini. Kajian terkini perlu dilaksanakan untuk melihat semula persepsi guru terhadap pentaksiran alternatif.

■3.0 METODOLOGI

Selain mengumpulkan hasil kajian dan tinjauan lampau berkaitan isu ini, untuk lebih memahami persepsi guru terhadap pelaksanaan pentaksiran alternatif di sekolah pada masa kini, temu bual telah dibuat bersama 6 orang responden. Responden ini terdiri daripada 6 orang guru di sekolah menengah yang terletak di negeri Johor. Guru-guru ini mengajar pelbagai subjek antaranya subjek Bahasa Melayu, Matematik, Reka Bentuk dan Teknologi, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan bahasa asing. Guru-guru ini mempunyai pengalaman mengajar selama 13-25 tahun. Mereka telah berpengalaman melaksanakan banyak pentaksiran tradisional dan juga pentaksiran alternatif.

Semasa temu bual dijalankan, responden telah diajukan dua soalan berkaitan pentaksiran alternatif

- *KPM telah mula beralih daripada pentaksiran tradisional kepada pelaksanaan pentaksiran alternatif yang lebih meluas di sekolah. Menurut cikgu, bagaimana kedua-dua pentaksiran ini membantu untuk mencapai objektif pembelajaran di dalam kelas?*
- *High-Stake Tests atau Ujian Berkepentingan Tinggi seperti SPM dan STPM masih dikekalkan dan lebih berformat pentaksiran tradisional. Pada pendapat cikgu, adakah pada masa akan datang peperiksaan ini perlu dikekalkan atau diubah kepada pentaksiran alternatif?*

■4.0 DAPATAN

Pentaksiran alternatif sebenarnya perlu dilaksanakan sama ada cepat atau lambat. Perubahan tetap perlu dilakukan. Sistem pendidikan negara tidak lagi boleh bergantung kepada pentaksiran tradisional sahaja kerana zaman telah banyak berubah (Marta, 2018) dan pentaksiran tradisional sahaja tidak cukup untuk menyediakan murid menghadapi cabaran di dunia realiti yang penuh persaingan sengit. (Christian, 2015). Kedua-dua pentaksiran ini mempunyai objektif tersendiri. Para pendidik sebenarnya boleh melihat keperluan menjalankan kedua-dua pentaksiran ini untuk membentuk murid yang cemerlang dalam akademik, mempunyai pelbagai kemahiran insaniah dan sikap terpuji. Sekiranya mekanisme pelaksanaannya dirangka dengan baik, hasil yang diinginkan pasti dapat dilihat dalam kemajuan murid.

Setelah lebih 10 tahun pelaksanaannya, guru-guru menyatakan bahawa fokus ibu bapa juga tidak lagi tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata. Ibu bapa juga mengambil tahu akan perkembangan anak-anak dari sudut kemahiran seperti kemahiran bersosial, berkomunikasi dengan rakan sebaya, kemahiran berkolaborasi, pengucapan awam dan lain-lain kemahiran. Perkembangan positif ini memberi gambaran bahawa guru-guru, ibu bapa, masyarakat dan para pelajar mula menyedari bahawa pencapaian akademik bukanlah satu-satunya perkara yang menjadi keutamaan dalam kehidupan.

Dalam temu bual yang telah dijalankan, guru subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) menyatakan bahawa pelaksanaan pentaksiran alternatif di dalam kelas memudahkan guru untuk membuat simulasi menunjukkan fungsi litar elektrik dan murid juga dikehendaki menunjukkan kemahiran mereka membina litar elektrik yang dapat berfungsi dengan baik. Murid-murid juga perlu membuat lebih banyak projek pertanian, binaan mudah dan membuat pembentangan yang menunjukkan mereka bukan sahaja menguasai teori malah dapat melakukan praktikal.

Guru Bahasa Melayu dan Bahasa Antarabangsa juga menyatakan, dengan melaksanakan pentaksiran alternatif, murid-murid dapat menyerlahkan potensi masing-masing dalam kemahiran bertutur. Murid-murid diberi peluang untuk membuat pengucapan awam, berbahas, malah bersajak dan bersyair. Walaupun tidak semua murid dapat mencapai band tertinggi namun peluang yang diberikan mendedahkan murid kepada pelbagai kemahiran ini dan mencungkil bakat terpendam mereka. Keadaan ini tidak banyak berlaku ketika sistem pendidikan tertumpu kepada kaedah pentaksiran tradisional kerana kebanyakan waktu guru dan murid hanya fokus kepada menguasai teori dan format menjawab soalan peperiksaan.

Guru Pendidikan Islam juga mengakui bahawa apabila pentaksiran alternatif mula dilaksanakan, murid-murid mengambil serius proses amali ibadah yang dijalankan. Amali ibadah seperti amali solat, haji dan korban yang memupuk pelbagai nilai positif dalam diri pelajar tidak lagi hanya semata-mata dijadikan sebahagian daripada silibus tetapi murid-murid mendapat merit daripada aktiviti ini. Hal ini akan membangkitkan semangat dan motivasi murid untuk mendalami kaedah melaksanakan setiap ibadah ini.

Walaubagaimanapun, guru-guru juga menyebut hal yang sama seperti yang dinyatakan dalam kajian lampau iaitu bebanan kerja semakin bertambah dan kesuntukan masa untuk menjalankan pentaksiran ini di dalam kelas. Tambahan pula, bilangan murid dengan nisbah guru tidak seimbang. Guru terpaksa mentaksir terlalu ramai murid dan hal ini mengundang banyak isu dalam pelaksanaan pentaksiran ini. Di samping itu, guru-guru juga menyebut peralatan dan kemudahan seperti ICT masih menjadi masalah dalam menyediakan murid yang mempunyai pelbagai kemahiran. Masalah sebenar bukanlah pada pentaksiran tersebut, tetapi mekanisme pelaksanaannya. Masih banyak kelemahan perlu dibaiki dan kekurangan yang perlu dicukupkan.

■5.0 PERBINCANGAN & CADANGAN

Berdasarkan hasil kajian lampau dan temu bual yang dijalankan, jelas bahawa guru-guru tidak menolak untuk melaksanakan pembaharuan dalam sistem pentaksiran. Walaupun mereka mempunyai persepsi yang bercampur sepanjang lebih 10 tahun pelaksanaan pentaksiran alternatif di sekolah, namun mereka tetap melaksanakannya dan hasilnya telah mula dapat dilihat. Persepsi yang negatif daripada guru-guru bukan berpunca daripada pentaksiran itu sendiri tetapi mekanisme pelaksanaannya yang masih banyak kelemahan. Isu seperti bebanan kerja bertambah, kekangan masa kerana terlalu banyak tugas akademik dan bukan akademik serta kekurangan peralatan bukanlah isu baru dalam dunia pendidikan tetapi tidak pernah selesai. Persepsi guru berdasarkan tinjauan literatur dirumuskan dalam jadual 1 seperti berikut

Bil	Kajian	Persepsi
1	<i>Faizah, Abd, Majid. (2010). School-based Assessment in Malaysian Schools: The Concerns of the English Teachers.</i>	40 responden mempunyai kebimbangan dari pelbagai dimensi terhadap pelaksanaan PBS. Keputusan tinjauan menunjukkan responden memahami kaedah pelaksanaan tetapi keliru dengan objektif sebenar PBS. Mereka juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan PBS kerana kekurangan masa, tuntutan tugas lain dan murid juga tidak memahami peranan mereka untuk menjayakan PBS.
2	<i>Vishalache, Balakrishnan. (2006). Alternative Assessment in Moral Education in Malaysia.</i>	Ternyata pelaksanaan alternatif dalam Pendidikan Moral walaupun mempunyai objektif yang murni tetapi tanpa panduan yang jelas, amat sukar untuk dijalankan.
3	<i>Noor, Rafhati, Romaiha., Nurmuslimah, Kamilah, Abdullah., Nur, Hazwani, Mohamad, Roseli., Nur, Hayati, Abd, Rahman., Azhar, Mat, Jani. (2016). An Early Insight on Teachers' Perception Toward School-Based Assessment.</i>	Hasil kajian menunjukkan pembelajaran yang fleksibel dan keseimbangan antara tugas berkaitan akademik dan bukan akademik adalah signifikan dalam menjelaskan penambahbaikan proses. Pembelajaran secara fleksibel juga menjadi faktor utama yang mempengaruhi persepsi guru terhadap sistem ini.
4	<i>Che, Md, Ghazali., Nor, Hasnida. (2016). An Evaluation of Teachers' Perception in Implementing School-Based Assessment.</i>	Hasil kajian ini menunjukkan 376 guru agak berpuas hati dengan penerangan yang diberikan KPM berkaitan PBS. Berkaitan proses pelaksanaan pula, guru-guru berpendapat pelaksanaannya agak baik tetapi masih ada penambahbaikan yang boleh dibuat.
5	<i>Farhana, Mohamad, Radzi., Siti, Sabwa, Md, Sawari. (2016). Recognize Teachers' Perception of the School-Based Assessment (SBA) Effectiveness in Increasing Students' Achievement in Mathematics.</i>	Penyelidik menekankan bahawa sistem pendidikan wajar berubah mengikut peredaran zaman untuk memenuhi keperluan masa hadapan. Sekiranya lebih banyak kajian dilakukan untuk menambah baik sistem PBS, guru-guru akan lebih bersedia untuk melaksanakan pentaksiran ini kerana mereka juga mengakui sistem PBS ada kelebihan tersendiri dalam proses membentuk pelajar.

Jadual 1 Rumusan persepsi guru terhadap pen taksiran alternatif di sekolah

Antara langkah yang boleh diambil KPM untuk memastikan persepsi guru terhadap pentaksiran alternatif ini lebih baik ialah memberikan penerangan dan latihan secukupnya bagi bakal guru di peringkat institut pengajian tinggi dan juga guru yang telah berkhidmat di sekolah. Langkah ini perlu dilakukan dengan lebih proaktif agar warga pendidik memahami objektif sebenar pentaksiran ini dilaksanakan dan langkah-langkah pelaksanaannya. Selain itu, bebanan tugas dalam melaksanakan pentaksiran ini juga perlu dikurangkan seperti

pendokumentasian tidak seharusnya lebih dititik beratkan berbanding pelaksanaannya. Kaedah perekodan perkembangan murid juga perlu disatukan menggunakan sistem universal agar guru tidak perlu mengisi rekod ini berkali-kali. Sistem universal ini seharusnya boleh diakses oleh guru-guru pada bila-bila masa, dan ibu bapa juga boleh memantau perkembangan anak mereka melalui sistem ini.

KPM juga wajar mula menimbang cadangan untuk menyediakan pembantu guru di sekolah. Menurut Tessa (2020), pembantu guru amat diperlukan dalam membentuk persekitaran bilik darjah yang aktif dan memberi ruang kepada guru untuk fokus kepada tugas hakiki mereka dalam pengajaran. Di samping itu, isu berkaitan kekurangan kemudahan di sekolah juga mesti diambil perhatian kerana tanpa peralatan yang cukup, guru-guru mengalami masalah untuk mengembangkan kaedah pengajaran dan pembelajaran kepada kaedah yang lebih moden dan kreatif. Untuk memastikan pentaksiran alternatif mencapai objektifnya, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif, inovatif dan versatil perlu diterapkan. Florentina (2023) menyatakan kemudahan ICT dapat meningkatkan prestasi dan membangunkan kemahiran insaniah dalam kalangan murid. Pentadbir di sekolah juga perlu memainkan peranan dengan cara memastikan guru-guru menghadiri kursus atau latihan berkaitan pelaksanaan pentaksiran alternatif. Selain itu, pentadbir juga perlu memberi keutamaan dalam melengkapkan sekolah dengan kemudahan yang akan membantu mengasah pelbagai kemahiran murid.

6.0 KESIMPULAN

Melalui tinjauan dan kajian berkenaan persepsi guru terhadap pentaksiran alternatif, setiap kelebihan dan kekurangan dalam pelaksanaan pentaksiran ini dapat dilihat dengan lebih terperinci. Sebagai pelaksana di lapangan, guru-guru mempunyai pengalaman serta pandangan yang penting dalam proses menambah baik dan memastikan pentaksiran ini dapat mencapai objektifnya. Persepsi mereka seharusnya dilihat dari semasa ke semasa agar sistem pendidikan di Malaysia khususnya dalam aspek penilaian dan pentaksiran bertambah maju pada masa hadapan.

Kaedah pelaksanaan pentaksiran alternatif perlu disusun dengan lebih sistematik dan pelaksanaannya tidak boleh terburu-buru. Menurut Muna et al; 2024, kedua-dua jenis pentaksiran tradisional dan alternatif perlu diintegrasikan dalam pendidikan. Menurut Muna et al 2024 lagi, pemetaan kurikulum yang bertimbang rasa serta langkah-langkah praktikal dalam melaksanakan pentaksiran alternatif perlu digariskan bagi membantu guru melaksanakannya mengikut piawaian. Jelas bahawa terdapat langkah-langkah yang perlu diambil terlebih dahulu dan kajian yang mendalam perlu dibuat sebelum meminta guru-guru menggalas tanggungjawab sebagai pelaksana pentaksiran alternatif di sekolah.

Oleh itu, berdasarkan saranan tersebut, lebih banyak kajian untuk menambah baik sistem pentaksiran alternatif ini perlu dijalankan seiring dengan kajian menambah baik kurikulum sekolah dan juga kajian berkaitan kaedah untuk melatih guru agar mampu melaksanakan pentaksiran baru.

Penghargaan

Para penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua guru dan tenaga pengajar yang terlibat atas sokongan serta inspirasi yang diberikan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Anne-Laure, Zwillig. (2023). *Alternative assessment*. DOI: 10.1016/b978-0-12-818630-5.09018-7
- Aref, Abu-Gweder. (2024). 2. Alternative assessment as a tool for imparting hebrew learning skills. *LLT Journal: a Journal on Language and Language Teaching*, DOI: 10.24071/llt.v27i2.9670
- Bent, T., Knapp, J., & Robinson, J. (2020). Evaluating the Effectiveness of Teaching Assistants in Active Learning Classrooms. *Journal of Learning Spaces*, 9(2). Retrieved from <https://libjournal.uncg.edu/jls/article/view/1984>
- Che, Md, Ghazali., Nor, Hasnida. (2016). An Evaluation of Teachers' Perception in Implementing School-Based Assessment. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*. 6(1), 24-40
- Christian, M., Stracke., Tatiana, Shamarina-Heidenreich. (2015). The need for Change in Education: Openness as Default?. *Official Proceedings of the International LING Conference 2015 held in Brussels, Belgium, on 11th -13th of May 2015*. DOI: 10.13140/RG.2.1.3919.1284
- Danica, Krnčević, Purić. (2020). Alternative Assessment: Efl Teacher's Perspectives. (2022). Equitable Assessment Practices. *TESOL Guide for Critical Praxis in Teaching, Inquiry, and Advocacy Advances in Educational Technologies and Instructional Design*, 65-86 DOI: 10.4018/978-1-7998-8093-6.ch004
- Emmy. (2020). Equitable Assessment Practices. *TESOL Guide for Critical Praxis in Teaching, Inquiry, and Advocacy Advances in Educational Technologies and Instructional Design*, DOI: 10.4018/978-1-7998-8093-6.ch004
- Fadilah, R., Ayudhia, H. Y., Chairani, V. S., & Afni, F. (2023). Assessment of English Language Teaching for 21st Century: Teachers' Perspectives on Traditional and Alternative Assessment. *JADEs Journal of Academia in English Education*, 4(1), 108-130. <https://doi.org/10.32505/jades.v4i1.6023>
- Faizah, Abd, Majid. (2010). School-based Assessment in Malaysian Schools: The Concerns of the English Teachers. *Journal of US-Chine Education Review*, 8(10), 1-15.
- Farhana, Mohamad, Radzi., Siti, Salwa, Md, Sawari. (2016). Recognize Teachers' Perception of the School-Based Assessment (SBA) Effectiveness in Increasing Students' Achievement in Mathematics. *International Journal for Educational Studies*8(2), 139-146. DOI: 10.2121/EDU-IJES.V8I2.751
- Kis, Marta. (2018). "How to change the education?" *Journal of Applied Multimedia*. 13(2), 64-68. <http://dx.doi.org/10.26648/jam.2018.2.002>.
- Mansory, Mazin. (2020). The Significance of Non-traditional and Alternative Assessment in English Language Teaching: Evidence. *Literature. International Journal of Linguistics*. 12, 210. 10.5296/ijl.v12i5.17782.\
- Muna, Jamel, Awad., Mohammad, Abdelkarim, Al, Adwan. (2024). Alternative Assessment Methods. *Advances In Educational Technologies And Instructional Design Book Series*, 303-320. DOI: 10.4018/979-8-3693-0880-6.ch020
- Noor, Rafhati, Romaiha., Nurmuslimah, Kamillah, Abdullah., Nur, Hazwani, Mohamad, Roseli., Nur, Hayati, Abd, Rahman., Azhar, Mat, Jani. (2016). An Early Insight on Teachers' Perception Toward School-Based Assessment. *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS 2014): Business and Social Sciences*. 601-610. DOI: 10.1007/978-981-10-1458-1_55

- Nurliyana Bukhari. (2024). E-Portfolio As A Multi-Layered Alternative Assessment In Enhancing Collaborative Writing Skills Among Second Language Learners Of English. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(46). Retrieved from <https://gaexcellence.com/ijepc/article/view/3461>
- Stiggins, R. (2005). From Formative Assessment to Assessment for Learning: A Path to Success in Standards-Based Schools. *Phi Delta Kappan*, 87(4), 324-328. <https://doi.org/10.1177/003172170508700414>
- Tatar, Nilgun & Buldur, Serkan. (2013). Improving preservice science teachers' self-efficacy about the use of alternative assessment: Implication for theory and practice. *Journal of Baltic Science Education*. 12, 452-464. 10.33225/jbse/13.12.452.
- Toma, F., Ardelean, A., Grădinaru, C., Nedelea, A., & Diaconu, D. C. (2023). Effects of ICT integration in teaching using learning activities. *Sustainability*, 15(8), 6885. DOI: 10.3390/su15086885
- Vishalache, Balakrishnan. (2006). Alternative Assessment in Moral Education in Malaysia. *Journal on School Educational Technology*, 1(4), 67-72. DOI: 10.26634/JSCH.1.4.864